



## SIARAN MEDIA

### KPKT SALURKAN RM 13.1 JUTA BAGI PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN SOSIO EKONOMI RAKYAT SABAH

---

PAPAR, 16 September 2024 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM 13.1 juta** untuk projek pembangunan infrastruktur awam dan sosio ekonomi negeri Sabah sempena siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT di Sabah pagi ini. Peruntukan ini mencakupi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan naik taraf infrastruktur awam, pembangunan, dan perumahan demi kesejahteraan penduduk setempat.

Daripada jumlah itu, **KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM 12,176,652.00** untuk pelaksanaan projek seperti berikut:

- i. 25 Projek Pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah *One Line Item* di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) - **RM6,100,000.00**
- ii. Tapak Pelupusan Sanitari Pantai Barat Selatan, Sabah di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)- **RM679,982.00**
- iii. Kerja-Kerja Awalan Projek Tapak Pelupusan Sanitari Pantai Barat Selatan, Sabah di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) - **RM 335,145.00**
- iv. Program Bina Baharu Rumah Di Bandar Tahun 2024 *One Line Item* di bawah Bahagian Kesejahteraan Komuniti, KPKT - **RM170,000.00**
- v. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) Sabah- *One Line Item* (Parlimen Papar) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) - **RM4,891,525.00**

Manakala tambahan peruntukkan sebanyak RM 1 juta diumumkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) untuk projek-projek pembangunan infrastruktur awam negeri Sabah semasa siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT 2024 yang ke-31 yang diadakan di kawasan Parlimen Papar, hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukkan adalah sebanyak RM13.1 juta.

Menurut YB KM, "Peruntukan yang diluluskan ini adalah berdasarkan prestasi atau *"performance-based budget"* untuk memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap

kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”.

Bersempena program Sentuhan Kasih KPKT di Sabah hari ini, YB KM dan pasukan KPKT turut melawat tiga (3) projek pembangunan iaitu:

- i. Projek Membina Dewan Terbuka Tamu Daerah Papar di Pekan Papar
- ii. Projek Menaik taraf Tandas Awam Bertaraf BMW di Pekan Papar
- iii. Projek Menaik taraf Bangunan Pasar Am di Pekan Papar

Turut hadir, YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Ahli Parlimen Papar merangkap Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup; YB Datuk Phoong Jin Zhe, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah merangkap Adun Luyang, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; dan YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah JKT.

KPKT komited untuk memastikan bahawa setiap sen yang dibelanjakan adalah dengan pertimbangan *Return on Investment* (ROI) supaya agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negara ini dapat dibangunkan secara holistik dan berdaya huni.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertawi  
#UnityInDiversity

---

Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).



Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)